



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Deposit Bertempoh-i. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.)	Public Islamic Bank Berhad 197301001433 (14328-V) Deposit Bertempoh-i (DB-i) Tarikh:
1. Apakah produk ini? 1.1 Deposit Bertempoh-i (DB-i) ialah produk deposit bertempoh Islam dengan kadar pulangan tetap menerusi belian dan jualan komoditi sebagai urus niaga aset mendasari di pasaran Komoditi Islam. 1.2 Produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.	
2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai? 2.1 <i>Murabahah</i> (kos campur keuntungan jualan) ialah jualan suatu komoditi pada harga kos campur margin keuntungan yang dipersetujui yang mana penjual (pelanggan) secara lisan menyebut kos yang dialami bagi komoditi untuk jualan dan menjualnya kepada pembeli (Bank) dengan menaikkan kos dengan pengetahuan pembeli. 2.2 <i>Tawarruq</i> ialah suatu transaksi yang mana Bank membeli komoditi atas dasar pembayaran tertangguh pada harga kos campur margin keuntungan dan kemudian menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga atas dasar pembayaran serta-merta pada harga kos bagi tujuan untuk mendapatkan tunai segera. 2.3 <i>Wa'd</i> ialah janji satu pihak (<i>unilateral</i>) yang merujuk pada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. 2.4 <i>Wakalah</i> (Agensi) ialah kontrak yang mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diperuntukkan secara sukarela atau dengan pengekangan fi.	
3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini? 3.1 Amaun deposit permulaan minimum: ➤ Tempoh Biasa: 1 bulan adalah RM5,000.00. 2 bulan hingga 60 bulan adalah RM1,000.00. ➤ Tempoh Ganjil: RM100,000.00. 3.2 Tempoh Deposit: ➤ Tempoh Biasa: Dari 1 bulan hingga 60 bulan (boleh didapati dalam gandaan 1 bulan) - untuk pelanggan runcit. ➤ Tempoh Ganjil: 1 bulan hingga 12 bulan, misalnya 32 hari, 40 hari, 100 hari, 275 hari dsbnya. - untuk pelanggan korporat. 3.3 Pembayaran Keuntungan: ➤ Untuk tempoh sehingga 12 bulan - keuntungan akan dibayar pada tarikh matang. ➤ Untuk tempoh 12 bulan ke atas - keuntungan interim dibayar setiap 6 bulan. ➤ Untuk Tempoh Ganjil - pada kematangan. 3.4 Kadar Keuntungan: ➤ Untuk Tempoh Biasa: ditentukan terlebih dahulu pada tarikh perletakan. ➤ Untuk Tempoh Ganjil: akan diberi oleh Bahagian Perbendaharaan.	



3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?, sambungan

3.5 Keuntungan akan dikira seperti yang berikut:

$$\text{Keuntungan} = \text{Amaun Peletakan} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \text{Tempoh Pemegangan} / 365 \text{ atau } 366 \text{ hari}$$

4. Apakah terma dan syarat utama lain mengenai produk ini yang patut saya ketahui?

- 4.1 Untuk Deposit Bertempoh-i, Terma dan Syarat diberi kepada pelanggan bagi menjelaskan tanggungjawab Bank dan pelanggan berkenaan dengan deposit.
- 4.2 Pelanggan mesti membuka dan mengekalkan Akaun Semasa-i/Simpanan-i (CA-i/SA-i) dengan Bank untuk pengkreditan keuntungan atau pendebitan fi/caj.
- 4.3 Pengeluaran sebahagian adalah tidak dibenarkan.
- 4.4 Opsyen untuk Membaharui:
- Tempoh Biasa:
Pembaharuan secara automatik pada kematangan pada kadar semasa.
 - Tempoh Ganjil:
Tiada pembaharuan secara automatik pada kematangan.
- 4.5 Pengeluaran Pramatang:
- Pelanggan mengizinkan pemberian *Ibra'* (rebat) kepada Bank kesemua keuntungan selepas pengeluaran dana atau deposit sebelum tarikh kematangan. Tiada keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan sekiranya pengeluaran pramatang dibuat.
 - Sekiranya keuntungan DB-i dikreditkan dalam Akaun Semasa/Simpanan-i Pelanggan atas dasar setiap bulan atau setiap enam (6) bulan dan pengeluaran pramatang DB-i dibuat, keuntungan yang dikreditkan sebelum pengeluaran DB-i itu akan ditolak daripada wang pokok sebelum prosid daripada pengeluaran DB-i itu dilepaskan kepada Pelanggan.
- 4.6 Kelayakan:
- Untuk Tempoh Biasa:
 - (a) Individu: Perseorangan berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (pemastautin/ bukan pemastautin) atau akaun bersama, akaun pemilik tunggal, perkongsian atau perkongsian liabiliti terhad.
 - (b) Bukan individu: Pertubuhan, Persatuan, Kelab, agensi kerajaan dan entiti perniagaan yang aktiviti perniagaannya patuh Syariah.
 - Untuk Tempoh Ganjil:
Pelanggan Korporat Bahagian Perbendaharaan sahaja.
- 4.7 Dokumen yang Diperlukan:
- (a) MyKad atau pasport yang sah serta permit kerja yang sah untuk bukan pemastautin.
 - (b) Bagi perusahaan perniagaan/agensi kerajaan:
 - Memorandum dan Tataurusan Syarikat, Borang 24 dan 49 dan Resolusi Syarikat untuk membuka akaun (sebelum pelaksanaan Akta Syarikat 2016).
 - Seksyen 17 - Notis Pendaftaran, Seksyen 14 - Permohonan Pendaftaran Syarikat, Seksyen 58 dan 236 (2) - Pemberitahuan Pelantikan Setiausaha Syarikat Pertama, Resolusi Lembaga untuk membuka akaun dan Perlembagaan (selepas pelaksanaan Akta Syarikat 2016).



4. Apakah terma dan syarat utama lain mengenai produk ini yang patut saya ketahui?, sambungan

- (c) Bagi pertubuhan/persatuan: Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan, Perlembagaan/Peraturan/Undang-undang Kecil persatuan serta Resolusi masing-masing untuk membuka akaun.
- (d) Bagi pemilik tunggal, perkongsian atau perkongsian liabiliti terhad: Sesalinan Maklumat Perniagaan dan Maklumat Pemilik Terkini serta Borang D.

4.8 Simpanan/Peletakan DB-i boleh dibuat dengan wang tunai, debit akaun simpanan/semasa, cek atau pindahan wang.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- 5.1 Duti Setem sebanyak RM10.00 menurut Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989) bagi Surat Indemniti bagi Resit DB-i yang hilang.
- 5.2 RM5.00 untuk menggantikan Resit DB-i yang hilang, dicuri, ronyok atau cacat.
- 5.3 Fi urus niaga Komoditi akan ditanggung oleh Bank.

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami melalui www.publicislamicbank.com.my.

6. Apakah risiko yang dihadapi?

Tiada risiko yang terlibat dalam produk. Bagaimanapun, sila rujuk perenggan 4.5 untuk terma pengeluaran pramatang. Pelanggan dinasihatkan agar mempertimbangkan lain-lain faktor risiko sebelum membuat keputusan untuk menandatangani dengan Bank.

7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami (secara bertulis dan dialamatkan kepada cawangan Pemegang Akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi kami di:

Public Islamic Bank Berhad
Tingkat 25, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2176 6000
Faks : 03-2162 2224
E-mel : islamicbkg@publicislamicbank.com.my
Laman Web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

Pusat Hubungan Pelanggan (BNMLINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
: +603-2174 1717 (Panggilan dari luar negeri)
Faks : +603-2174 1515
Waktu Operasi : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Borang Web (*Web Form*) : bnmlink.bnm.gov.my



9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web Public Islamic Bank melalui www.publicislamicbank.com.my.
- Kunjungi cawangan Public Bank/Public Islamic Bank yang berhampiran.

10. Produk-produk Deposit Bertempoh-i lain yang ada

Untuk syarikat Korporat terpilih, Bank menawarkan Deposit Bertempoh-i Jangka Pendek (DB-i JP).

AMARAN

SEKIRANYA PELETAKAN INI DIKELUARKAN LEBIH AWAL, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEH.

NOTA PENTING:

Maklumat yang terdapat dalam lembaran pendedahan ini sah pada tarikh yang dinyatakan di dalam ini.

Tandatangan/Tarikh:

Nama Peniaga/Pegawai:

Saya mengesahkan bahawa sesalinan borang pendedahan produk ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.